

11/02/2002

Pemuda Umno buat laporan polis dakwaan Fadzil Noor

SITIAWAN, Ahad - Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Lumut dan Pasir Salak hari ini membuat laporan polis terhadap Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor berikutan kenyataannya mendakwa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghina ulama.

Ketua Pemuda Umno Lumut, Dr Zambry Abdul Kadir, berkata kenyataan Fadzil itu berunsur fitnah serta boleh menimbulkan suasana huru-hara dalam negara.

Katanya, kenyataan itu seolah-olah cuba menghasut orang ramai supaya membenci Perdana Menteri yang juga Presiden Umno.

"Kenyataan Fadzil seperti yang dilaporkan dalam keluaran terbaru akhbar Harakah begitu memualkan dan tidak sepatutnya dikeluarkan seorang presiden parti.

"Beliau sepatutnya bertindak cermat dan berhati-hati dengan kenyataan yang dibuat," katanya selepas membuat laporan di Balai Polis Sitiawan di sini, hari ini.

Lebih 30 anggota Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Lumut dan Pasir Salak mengiringi Dr Zambry dan Ketua Pemuda Umno Bahagian Pasir Salak, Zainol Fazi Paharuddin membuat laporan polis.

Hadir sama Naib Ketua Pemuda Umno Lumut, Norzaman Man dan Ketua Pemuda Seri Manjung, Jamaluddin Majid.

Dr Zambry yang juga anggota Exco Pemuda Pusat berkata, Fadzil perlu berhati-hati sebelum mengeluarkan kenyataan kerana ia menimbulkan implikasi besar kepada suasana politik negara.

"Selain itu, tindakannya bertentangan dengan Islam dan etika kepimpinan," katanya.

Beliau berkata, Fadzil boleh membohongi pengikut Pas tetapi tidak rakyat. Sehubungan itu, kami mendesak Fadzil memohon maaf daripada Dr Mahathir.

"Presiden Pas perlu bertanggungjawab terhadap kenyataannya itu dan kita meminta pihak berkuasa menyiasat serta mengambil tindakan sewajarnya mengikut Akta Hasutan," katanya.

Lidah rasmi Pas, Harakah menyiarkan laporan bertajuk 'Pas Kecam PM Hina Ulama Depan Ariel Sharon' pada keluaran terbaru bertarikh 16-28 Februari.

Fadzil dalam rencana itu dipetik sebagai berkata, ucapan Dr Mahathir sangat memualkan dan memalukan diri sendiri serta umat Islam seluruh dunia apabila ia diucapkan di hadapan khalayak majoriti bukan Islam di Forum Ekonomi Dunia di New York, minggu lalu.

Sementara itu, Fadzil tetap mempertahankan rencana yang disiarkan Harakah itu yang katanya bukan bertujuan melagakan ulama dengan pemimpin kerajaan, khususnya Umno, sebaliknya berdasarkan fakta ucapan Dr Mahathir yang disifatkannya sebagai merendahkan fungsi ulama.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan Abdullah semalam, mengenai kecaman Pas terhadap ucapan Perdana Menteri pada forum itu yang bertujuan menimbulkan perbalahan ulama dengan kepimpinan kerajaan dan Umno.

(END)